

# Peluang beli rumah

Harian Metro  
24/10/15  
mls 17

■ REHDA positif bajet RM200j bantu golongan pendapatan rendah



Kelana Jaya

**P**ersatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) memandangkan positif pembentangan Bajet 2016 dan menganggap ia sebagai satu peluang terbaik untuk sektor pemilikan rumah bagi rakyat Malaysia khususnya kumpulan berpendapatan rendah dan pertengahan.

Presidennya, Datuk Seri Fateh Iskandar FD Mansor berkata, peruntukan deposit bernilai RM200 juta bagi pembeli rumah pertama adalah berita baik untuk industri berkenaan dalam keadaan ekonomi yang mencabar ketika ini.

"Permintaan untuk pemilikan rumah masih tinggi dalam kalangan masyarakat tempatan. Namun, pembayaran deposit kerap kali menjadi isu berbangkit dan penghalang untuk mereka memilikinya.

"Jadi, dengan peruntukan terbabit, kami berharap ia sedikit sebanyak dapat membantu golongan yang ingin memiliki rumah, sekali gus mampu meringankan beban rakyat," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Beliau berkata, REHDA



turut menyambut baik langkah kerajaan dalam menyediakan dana khas untuk menggalakkan penggunaan Sistem Bangunan Industri (IBS) di Malaysia.

"Dana promosi sebanyak RM500 juta yang diberikan kepada pemaju dan kontraktor bukan sa-

“ Permintaan untuk pemilikan rumah masih tinggi dalam kalangan masyarakat tempatan. Namun, pembayaran deposit kerap kali menjadi isu berbangkit dan penghalang untuk mereka memilikinya”

Fateh Iskandar FD Mansor

haja akan membantu untuk mempercepatkan penyampaian projek, tetapi juga mengurangkan kos pembangunan dan pergantungan kepada tenaga pekerja asing.

"Selain itu, peruntukan pengecualian duti setem ke atas instrumen pem-

biayaan untuk kontraktor turut menyelamatkan projek terbengkalai dan pembeli asal juga adalah satu kaedah proaktif dalam usaha memulihkan projek terbengkalai," katanya.

Menurutnya, ia diharapkan dapat menggalakkan lebih ramai kontraktor dan pemaju untuk memohon program terbabit agar dapat membantu dalam menyediakan rumah lengkap kepada golongan kurang bernasib baik.

"Kami berharap agensi kerajaan yang ditugaskan untuk melaksanakan semua program perumahan mampu milik akan membantu kerajaan dalam memenuhi agenda rumah negara, sekali gus memberi manfaat kepada rakyat," katanya.



“ Kami menyambut baik peruntukan dana RM500 juta untuk mempromosikan IBS”

Presiden Persatuan Pemborong Pembinaan Malaysia, Matthew Tee



**Kuala Lumpur:** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) menyifatkan peruntukan dana sebanyak RM500 juta di bawah Dana Promosi Sistem Bangunan Industri (IBS) boleh digunakan sebagai modal untuk membuka kilang pengeluaran komponen IBS.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Seri Ir Judin Abdul Karim berkata, ia juga boleh digunakan untuk membeli

peralatan dan jentera pemasangan komponen IBS bagi memudahkan syarikat pembinaan menjalankan operasi masing-masing.

“Pengumuman ini juga

dapat meningkatkan lagi penggunaan IBS dan mekanisme di dalam industri pembinaan sekali gus meningkatkan produktiviti industri pembinaan seperti digaris-

kan dalam Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP),” katanya. Kerajaan sentiasa menggalakkan penggunaan sistem IBS bagi meningkatkan lagi daya

saing industri itu bertujuan menghasilkan pemain industri yang mampan di peringkat domestik dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Untuk tujuan itu, dana khas IBS dikenali Dana Promosi IBS sebanyak RM500 juta disediakan melalui SME Bank sebagai pinjaman mudah kepada pemaju dan kontraktor G5 dan ke bawah.

“**66** Pengumuman ini juga dapat meningkatkan lagi penggunaan IBS dan mekanisme di dalam industri pembinaan”

Judin Abdul Karim

**Kuala Lumpur:** Peruntukan besar diberikan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu RM5.3 bilion seharusnya digunakan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi memastikan produktiviti makanan negara terus terjamin.

Ketua Kluster Pertanian dan Makanan, Majlis Profesor Negara (MPN) Prof Dr Ghizan Saleh berkata, bajet dibentangkan Perdana Menteri semalam dilihat kurang menyentuh aspek R&D untuk pemerkasaan sektor pertanian dan perikanan.

Beliau berkata, kepentingan R&D adalah bagi memastikan sektor penting itu dapat mengeluarkan hasil tinggi dengan kos minimum.

“Makanan asasnya tentulah disumbangkan sektor pertanian. Kita tidak boleh lagi bertahan dengan pertanian cara lama, apa kita perlukan adalah teknologi tinggi dengan kepakaran sumbangan daripada R&D.

“Namun pada masa sama peruntukan terhadap RISDA



## RM5.3 bilion R&D produktiviti makanan

dan FELDA untuk peningkatan pendapatan dan produktiviti golongan pesawah, pekebun kecil dan penoreh getah bertepatan pada ma-

sanya.

“Ini kerana, kos bahan mentah dan input pengeluaran pertanian seperti baja, bahan kimia dan keperluan

asas pengeluaran adalah sangat mahal,” katanya.

Beliau yang juga Timbalan Naib Canselor Kolej Universiti Agrosains Malaysia



DR Ghizan



ISMAIL

(UCAM) berkata, sebahagian peruntukkan RM90 juta untuk Program Pembangunan Agropreneur Muda dapat menarik golongan muda bergiat dalam aktiviti pertanian makanan sebagai usahawan tani.

Selain itu, katanya, pelaksanaan Projek Ladang Penganda untuk ayam kampung adalah idea yang sangat baik kerana ternakan itu boleh menjadi produk berpotensi besar di negara ini.

Sementara itu, Ketua Perengarah Perikanan Datuk Ismail Abu Hassan berkata, peningkatan bajet bagi 2016 meningkat melebihi 70 peratus berbanding tahun semasa.

“Peruntukan 50 peratus akuakultur kepada pengeluaran ikan negara melalui spesies ikan bernilai tinggi boleh meningkatkan penghasilan benih berkualiti dan mengurangkan kebergantungan import,” katanya